

Perjanjian ini terpakai kepada Perkhidmatan (ditakrifkan di bawah) yang disediakan bersama dengan Rangkaian Penjagaan Pesakit Merlin.net™.

**PENTING – Sila baca Persetujuan berikut bersama-sama dengan dokumen yang dirujuk padanya dengan teliti sebelum meneruskan. Dokumen ini ialah dokumen undang-undang antara anda dengan kami (seperti yang kedua-dua terma ditakrifkan di bawah). Sebelum menggunakan Perkhidmatan (ditakrifkan di bawah), anda mestilah membaca Perjanjian ini dengan teliti kerana perjanjian ini mengawal penggunaan Perkhidmatan.**

Penggunaan Perkhidmatan oleh anda membentuk, dan tertakluk kepada, persetujuan anda untuk terikat dengan Perjanjian ini. Dengan mengklik “Terima”, anda secara jelas mengizinkan dan bersetuju bahawa Perjanjian ini akan terpakai kepada penggunaan Merlin.net oleh anda. Jika anda, atau orang yang anda wakili untuk menggunakan Merlin.net, tidak bersetuju dengan Perjanjian ini, jangan klik terima dan jangan gunakan Merlin.net.

Dengan menerima Perjanjian ini dan dengan menggunakan Merlin.net, anda mengesahkan bahawa anda bersetuju sama ada bagi pihak anda sendiri, atau bagi pihak orang lain yang memberi anda kuasa sebenar untuk mengikat orang itu secara sah dengan Perjanjian ini. Jika anda ialah orang yang mengakses dan menggunakan Merlin.net bagi pihak, atau untuk manfaat, mana-mana perbadanan, perkongsian, hospital, organisasi perkhidmatan kesihatan kebangsaan, atau entiti lain yang berkait dengan anda, bekerja dengan, atau ditugaskan oleh (sebuah “Klinik”), maka anda bersetuju dengan Perjanjian ini bagi pihak diri anda dan Klinik yang sedemikian, dan anda mewakili dan menjamin bahawa anda diberi kuasa yang sah untuk mengikat Klinik sedemikian dengan Perjanjian ini.

Sebarang terma dalam mana-mana pesanan belian atau dokumentasi lain yang dikeluarkan oleh anda atau bagi pihak anda yang mengandungi terma tambahan atau yang bercanggah atau yang bertujuan untuk mengantikan, menolak, mengubah suai, atau menjadi tawaran balas kepada Perjanjian ini adalah ditolak dengan jelas dan kandungan sedemikian dianggap tidak sah.

Apa-apa perkataan selepas terma “termasuk”, “merangkumi”, “khususnya”, “contohnya” atau apa-apa frasa yang serupa hendaklah ditafsirkan sebagai gambaran dan tidak boleh mengehadkan keluasan perkataan umum yang berkenaan itu. Tajuk dalam Perjanjian ini adalah untuk kemudahan anda sahaja, dan tidak mengehadkan, mentakrifkan, atau menjelaskan setiap bahagian dengan sepenuhnya.

**1. Maklumat tentang Kami:** Merlin.net ialah Tapak yang dikendalikan oleh Abbott.

**2. Terma Utama:** Istilah berikut membawa maksud yang berikut dalam Perjanjian ini:

**Pentadbir.** Pentadbir sistem Merlin.net yang diberikan ID pentadbir oleh Klinik untuk mencipta, mentadbir dan menyelenggarakan ID klinik.

**Perjanjian.** Terma dan Syarat ini, bersama-sama dengan dokumen yang dirujuk di sini, termasuk sebarang kemas kini yang disiarkan di [www.merlin.net](http://www.merlin.net) atau URL lain sebagaimana yang kami mungkin sediakan.

**Arahan.** Arahan atau parameter yang anda masukkan terus ke dalam Perkhidmatan atau yang anda arahkan supaya kami masukkan bagi pihak anda dan dihantar ke sebuah Monitor untuk membantu anda memantau dan/atau menguruskan Peranti Pesakit tertentu. Arahan bukanlah Data.

**Undang-undang Perlindungan Data.** Semua undang-undang, peraturan, arahan dan keperluan kerajaan yang terpakai berkaitan dengan privasi, kerahsiaan, keselamatan, integriti dan perlindungan data peribadi dalam apa-apa cara sekalipun, seperti yang dipinda atau digantikan dari semasa ke semasa, serta mana-mana undang-undang negara yang berkaitan yang dilaksanakan.

**Data.** Data atau maklumat pesakit yang dikumpulkan daripada Peranti melalui Monitor dan dimuat naik ke Perkhidmatan serta data yang diserahkan oleh anda melalui Perkhidmatan.

**Peranti.** Mana-mana peranti jantung terimplan yang serasi dengan Rangkaian Penjagaan Pesakit (PCN) Merlin.net™ yang diperoleh daripada kami atau mana-mana anak syarikat atau sekutu kami.

**Lokasi.** Mana-mana tempat anda menerima Perkhidmatan atau tempat Perkhidmatan dijalankan. Contohnya, “Lokasi anda” termasuk tapak klinikal tempat Pesakit dirawat. “Lokasi Kami” termasuk kemudahan kami atau lokasi lain tempat kami menjalankan Perkhidmatan.

**Dasar Privasi Merlin.net.** Dasar Privasi ini boleh didapati di <https://www.cardiovascular.abbott/int/en/policies/merlin-net.html>.

**Monitor.** Peralatan atau aplikasi elektronik dalam apa jua bentuk yang digunakan untuk menghantar Data dan/atau menghantar/menerima Perintah sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan dan bagi membantu Klinik atau Pengguna dalam memantau dan/atau menguruskan Peranti Pesakit. Monitor boleh jadi mudah alih dan mungkin termasuk, telefon pintar, tablet, pemancar meja dan peralatan elektronik lain yang digunakan oleh Pesakit atau oleh kakitangan perubatan. Monitor juga boleh termasuk sebarang perkakasan lain yang dipasang dengan Aplikasi Mudah Alih Pesakit. Monitor mungkin atau mungkin tidak disediakan dan/atau disokong oleh kami.

**Pesakit.** Mana-mana pesakit individu yang Peranti Abbottnya dipantau dan/atau diuruskan oleh Klinik atau Pengguna melalui Perkhidmatan.

**Aplikasi Mudah Alih Pesakit.** Aplikasi mudah alih yang disediakan oleh kami dan digunakan sebagai Monitor oleh Pesakit berhubung dengan penggunaan Peranti oleh Pesakit.

**Perkhidmatan.** Perkhidmatan dalam talian dan perkhidmatan lain serta perkakasan yang kami sediakan kepada anda, setiap satunya apabila ditawarkan, di bawah Perjanjian ini yang berkaitan dengan PCN Merlin.net yang ada di [www.merlin.net](http://www.merlin.net), atau URL lain sepertinya (“**Merlin.net**” atau “**Tapak**”) yang mungkin disediakan oleh Abbott kepada anda, dan yang digunakan untuk menyokong Peranti; sokongan teknikal dan penyelenggaraan; latihan; pendidikan dan bantuan Pesakit, termasuk dengan penyediaan dan pengaktifan pemantauan jarak jauh di Merlin.net, termasuk penggandingan Peranti ke Monitor tanpa sentuh dari jauh sekiranya Perkhidmatan sedemikian tersedia; pengumpulan dan pengehosan Data berkaitan Peranti; pelaporan; dan atas permintaan, bantuan dengan tafsiran atau analisis maklumat tertentu berkaitan Peranti. Perkhidmatan ini juga boleh merangkumi, atas arahan dan kebenaran anda, dan berikutnya pendaftaran Pesakit, Abbott menghubungi Pesakit secara langsung bagi pihak anda bagi menyediakan sokongan dalam talian dan/atau melalui telefon berkaitan dengan penyediaan Monitor, pengendalian dan/atau penyambungannya ke Merlin.net dan/atau untuk menghantar Monitor berasingan, jika perlu dan jika tersedia. Perkhidmatan boleh meminta peruntukan oleh anda berhubung log masuk khusus ke Merlin.net untuk membolehkan Abbott membantu pendaftaran pesakit. Bergantung pada Peranti yang diimplan dalam Pesakit, Perkhidmatan ini mungkin membenarkan anda memberitahu Pesakit anda tentang pelarasian yang anda buat pada ubat mereka atau membenarkan anda membuat perubahan rawatan lain. Perkhidmatan ini tidak termasuk peruntukan sebarang nasihat perubatan atau bantuan oleh Abbott kepada Pesakit. Perkhidmatan ini direka khusus untuk sokongan Peranti Abbott yang diperoleh daripada kami atau pengedar kami.

**Pengguna.** Mana-mana penyedia perubatan atau penjagaan kesihatan, doktor (dan wakil dan ejen mereka yang diberi kuasa sah) atau pengguna lain yang berkaitan dengan Klinik dan diberikan kelayakan pengguna oleh Klinik itu untuk mengakses dan menggunakan Merlin.net.

**Kami dan/atau Abbott.** “Kami” akan merujuk kepada syarikat Abbott yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 39 yang merupakan pihak bertentangan dalam Perjanjian ini. Syarikat Abbott yang berkenaan boleh menggunakan syarikat sekutu Abbott yang lain untuk menyediakan dan melaksanakan Perkhidmatan. “Pihak-pihak” bermaksud anda dan syarikat Abbott yang berkenaan bagi Lokasi anda.

**Anda.** Klinik, Pentadbir atau Pengguna.

**3. Penerangan Perkhidmatan Merlin.net:** Perkhidmatan ini direka untuk membantu anda dalam memantau dan menguruskan aspek Data dan/atau Peranti Pesakit, dan, jika serasi, mengeksport Data ke sistem rekod kesihatan elektronik. Perkhidmatan ini bergantung pada akses kepada Internet, sistem telekomunikasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, platform, perisian dan Monitor, yang mungkin tidak disediakan oleh kami. Kami tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap pelaksanaan, penangguhan pelaksanaan, kesilapan, kerosakan atau kehilangan Data atau ketiadaan pelaksanaan oleh mana-mana pihak ketiga. Perkhidmatan ini membolehkan Klinik mengumpulkan maklumat tertentu dari jauh tentang Peranti Pesakit dari lokasi Klinik, dan jika ditawarkan dan diluluskan, mungkin membolehkan Pengguna melaraskan Peranti Pesakit dari jauh.

Perkhidmatan bukanlah perkhidmatan kesihatan yang digunakan secara langsung oleh Pesakit, dan kami bukan penyedia atau pembekal sebarang perkhidmatan penjagaan kesihatan. ANDA PERLU MENGARAHKAN PESAKIT ANDA SUPAYA MENGHUBUNGI ANDA ATAU PERKHIDMATAN KECEMASAN TEMPATAN JIKA MEREKA MENGESYAKI MEREKA

MUNGKIN MENGALAMI KECEMASAN PERUBATAN. Kakitangan sokongan teknikal kami tidak dibenarkan memberitahu Pesakit Klinik tentang kandungan, maksud, atau akibat yang mungkin daripada mana-mana Data yang dihantar daripada Pesakit atau Peranti mereka.

Perkhidmatan ini mungkin terhad dari semasa ke semasa, dan kami tidak dapat menjamin bahawa Perkhidmatan ini akan tersedia pada bila-bila masa. Untuk berfungsi dengan baik, Perkhidmatan memerlukan pelbagai jenis faktor mekanikal, elektrik, pengiraan, penghantaran, komunikasi dan faktor manusia, yang setiap satunya tertakluk kepada batasan, ralat, dan kegagalan yang tidak dijangka dari semasa ke semasa. Kebanyakan faktor tersebut adalah di luar kawalan mana-mana pihak.

**4. Akses Perkhidmatan:** Akses kepada bahagian klinikal Tapak kami adalah terhad kepada Pengguna. Pengguna Tapak kami diberikan ID Pengguna unik oleh Klinik yang berkaitan dengan mereka dan mesti memilih sendiri kata laluan untuk mendaftar masuk ke Tapak kami. Pengguna mesti memberikan maklumat hubungan peribadi, dan anda mesti memastikan bahawa maklumat anda adalah terkini pada setiap masa. ID Pengguna dan kata laluan membentuk tandatangan elektronik dan akan digunakan oleh kami untuk menentusahkan akses ke Tapak kami. Jika Pengguna memilih untuk mendaftar masuk ke Merlin.net, Pengguna akan dapat memanfaatkan bahagian bukan awam pada Tapak kami. Jika Pengguna memilih untuk tidak mendaftar masuk ke Tapak kami, akses mereka ke Tapak kami akan dihadkan kepada bahagian awam pada Tapak kami sahaja. Jika anda diberikan ID Pengguna, kata laluan atau sebarang maklumat lain sebagai sebahagian daripada prosedur keselamatan kami, anda mestilah menganggap maklumat tersebut sebagai sulit, dan anda tidak boleh mendedahkannya kepada mana-mana pihak ketiga. Kami berhak untuk menyahdayakan mana-mana ID Pengguna pada bila-bila masa, jika pada pendapat kami, anda gagal mematuhi mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini. Anda hanya boleh menggunakan Tapak kami seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. Sebarang penggunaan Tapak kami yang menyalahi undang-undang atau tanpa izin hendaklah membentuk pelanggaran Perjanjian ini. Anda tidak mempunyai kebenaran untuk mengakses Tapak kami dalam apa jua cara yang melanggar Perjanjian ini atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkenaan. Anda bersetuju untuk memastikan Data anda dan Pesakit sentiasa tepat, terkini dan lengkap. Anda boleh mencetak atau memuat turun ekstrak halaman dari Tapak kami hanya untuk kegunaan anda dalam penjagaan Pesakit atau penyisipan ke dalam rekod kesihatan elektronik Pesakit sahaja.

**5. Kandungan:** Tapak kami bertujuan untuk kegunaan eksklusif dan sokongan Peranti Abbott tertentu. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Tapak dan Perkhidmatan ini disediakan untuk meningkatkan penjagaan anda terhadap Pesakit anda, dan anda memahami bahawa ini bukan pengganti kepada pertimbangan profesional anda atau tanggungjawab anda terhadap Pesakit anda. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Tapak kami adalah untuk maklumat sahaja. Kandungan maklumat kesihatan yang tertera di Merlin.net adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pengamal penjagaan kesihatan dan hantaran Data berkaitan Peranti daripada Pesakit. Kandungan maklumat kesihatan yang dipaparkan di Merlin.net, tidak bermaksud dan hendaklah tidak boleh diterima atau ditafsirkan sebagai nasihat khusus Pesakit atau pengganti bagi nasihat khusus Pesakit. Pada suatu-suatu masa, kandungan maklumat kesihatan di Merlin.net mungkin sudah tidak terkini pada mana-mana masa tertentu, dan kami tiada kewajipan untuk mengemas kini kandungan tersebut kerana kandungan itu adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pengguna dan hantaran data berkaitan Peranti daripada Pesakit anda.

**ANDA MENGAKUI BAHAWA KAMI BUKAN PENYEDIA PENJAGAAN KESIHATAN DAN TIDAK MEMBERIKAN NASIHAT PERUBATAN KEPADA PESAKIT. ANDA MENGAKUI BAHAWA KANDUNGAN MAKLUMAT KESIHATAN DI TAPAK KAMI TIDAK DIMAKSUDKAN ATAU DISYORKAN SEBAGAI PENGGANTI NASIHAT PERUBATAN PROFESIONAL, ADALAH UNTUK MAKLUMAT UMUM SAHAJA, DAN DIREKA UNTUK MENYOKONG, BUKAN MENGGANTIKAN, HUBUNGAN YANG WUJUD ANTARA PENGAMAL PENJAGAAN KESIHATAN DENGAN PESAKIT MEREKA. KAMI SERTA PEGAWAI, PENGARAH, PEKERJA, EJEN, SEKUTU DAN SYARIKAT YANG BERKAITAN DENGAN KAMI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESILAPAN ATAU KETIDAKLENGKAPAN KANDUNGAN, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHADAP KEPADA KANDUNGAN MAKLUMAT KESIHATAN, YANG DISIARKAN DI TAPAK KAMI ATAU TERHADAP KETEPATAN, KESAHIHAN ATAU KANDUNGAN, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHADAP KEPADA KANDUNGAN MAKLUMAT KESIHATAN, PADA TAPAK KAMI, DAN ANDA**

MAHUPUN SESIAPA YANG ANDA MAKLUMKAN KANDUNGANNYA, TIDAK BOLEH BERGANTUNG PADA KANDUNGAN SEDEMİKIAN YANG TERDAPAT DI TAPAK KAMI.

ANDA BERTANGGUNGJAWAB DAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN SEPENUHNYA TERHADAP ARAHAN DAN PERGANTUNGAN ANDA KEPADA, SERTA KEPUTUSAN YANG ANDA BUAT BERKENAAN DENGAN, DATA DAN MAKLUMAT LAIN YANG DIPAPARKAN MELALUI PERKHIDMATAN. KAMI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAU DIPERTANGGUNGJAWABKAN TERHADAP ARAHAN INI ATAU PERGANTUNGAN ANDA KEPADA MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN MELALUI PERKHIDMATAN INI. Kakitangan kami tidak dibenarkan memberitahu Pesakit tentang kandungan, maksud, atau akibat yang mungkin daripada mana-mana Data.

**6. Penggunaan yang Dilarang bagi Tapak dan Perkhidmatan Kami:** Kami berhak untuk melumpuhkan mana-mana ID Pengguna pada bila-bila masa jika pada pendapat kami anda gagal mematuhi mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini yang terpakai kepada anda. Apabila menggunakan Tapak kami, anda tidak boleh terlibat dalam penggunaan yang dilarang seperti yang dinyatakan di bawah. Jika dikehendaki oleh undang-undang, Pengguna tidak boleh mendaftarkan Pesakit atau membuat sebarang profil Pesakit di Merlin.net tanpa mendapatkan persetujuan termaklum, sukarela dan eksplisit daripada mereka terlebih dahulu. Anda bersetuju bahawa anda TIDAK akan menggunakan Perkhidmatan atau Tapak ini:

- (i) untuk membahayakan atau cuba membahayakan mana-mana individu, termasuk kanak-kanak bawah umur, atau mengumpul, menyimpan atau memuat naik data tentang mana-mana Pesakit atau individu tanpa menerima persetujuan mereka terlebih dahulu, jika dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai, atau sebaliknya tanpa diberi kuasa untuk berbuat demikian;
- (ii) untuk menghantar pengiklanan atau bahan, atau bingkai atau pautan promosi lain yang tidak diminta ke Tapak kami, melainkan kami membenarkan bingkai atau pautan tersebut secara bertulis;
- (iii) untuk menyalin, mengeluarkan semula, menerbitkan semula, memuat naik, menyiaran, menghantar, mengeksport atau mengedarkan dalam apa jua cara apa-apa bahan, dokumentasi, atau maklumat lain daripada atau berkenaan Perkhidmatan tanpa kelulusan bertulis daripada kami terlebih dahulu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara khusus dalam Perjanjian ini atau apabila anda telah mendapat kelulusan bertulis daripada kami terlebih dahulu untuk menggabungkan Perkhidmatan ke dalam sistem rekod kesihatan elektronik anda; kecuali sehingga ke takat sekatan sedemikian dilarang di bawah undang-undang yang terpakai;
- (iv) dengan cara yang menyalahi undang-undang atau sebaliknya melanggar mana-mana undang-undang, statut, ordinan atau peraturan;
- (v) untuk cuba menggunakan, menjual semula, mengedarkan semula, menyiaran atau memindahkan kandungan maklumat kesihatan atau menggunakan kandungan maklumat kesihatan yang diperoleh daripada Tapak kami dalam pangkalan data yang boleh dicari dan boleh dibaca oleh mesin, kecuali sebagaimana yang sebaliknya dibenarkan atau digunakan dalam rekod perubatan elektronik Pesakit;
- (vi) untuk mengumpul maklumat peribadi tentang Pengguna atau Pesakit dalam cara yang melanggar Dasar Privasi Merlin.net atau sebaliknya;
- (vii) untuk memuat naik, menyiaran, menghantar e-mel, menyalurkan, menyimpan atau sebaliknya menjadikan tersedia apa-apa bahan yang mengandungi virus atau mana-mana kod, fail atau program komputer lain yang direka untuk memudaratkan, mengganggu atau mengehadkan operasi normal Tapak atau Perkhidmatan atau yang direka untuk memintas secara rahsia atau merampas mana-mana sistem, Data atau maklumat peribadi;
- (viii) untuk mengacau atau mengganggu Tapak ini (termasuk mengakses Tapak ini melalui apa-apa cara automatik, seperti skrip atau perayap web), atau mana-mana pelayan atau rangkaian yang disambungkan ke Perkhidmatan, atau mana-mana dasar, keperluan atau peraturan rangkaian yang disambungkan ke Tapak kami (termasuk mana-mana akses yang dibenarkan untuk menggunakan atau memantau data atau trafik di atas) atau sebaliknya

menggunakan mana-mana peranti, perisian, atau rutin untuk mengganggu kelancaran kerja Tapak kami atau penggunaan Tapak kami oleh mana-mana individu lain;

- (ix) untuk mendedahkan maklumat tentang Perkhidmatan atau ciri atau prestasi Tapak kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan kami terlebih dahulu, kecuali seperti yang dikehendaki bagi tujuan undang-undang atau pengawalseliaan atau untuk membantu dalam penyediaan rawatan perubatan anda terhadap Pesakit atau sebaliknya menggunakan Tapak kami dalam apa-apa cara yang boleh merosakkan, menghina, atau sebaliknya memberi kesan negatif kepada kami;
- (x) untuk mencipta hasil terbitan daripada, menggabungkannya dengan mana-mana sistem atau program komputer lain, membuat kejuruteraan berbalik, menyahkompilasi, atau memisahkan Perkhidmatan, Monitor atau mana-mana perisian, perkakasan, komponen atau bahagian lain yang membentuk Perkhidmatan;
- (xi) untuk mengumpul, menyimpan atau memuat naik maklumat peribadi, termasuk maklumat kesihatan, tentang mana-mana individu lain di Tapak atau Perkhidmatan atau mana-mana Pesakit dengan Peranti berhubung dengan mana-mana aktiviti yang dilarang di atas, atau
- (xii) untuk melanggar hak harta intelek mana-mana individu (termasuk memuat naik mana-mana kandungan yang anda tiada hak untuk muat naik).

Jika anda mencetak, menyalin, menerbitkan semula atau memuat turun mana-mana bahagian Tapak kami dalam cara yang melanggar Perjanjian ini, anda mesti memusnahkan apa-apa salinan bahan yang anda mungkin telah buat tanpa kebenaran.

**7. Tanda Dagangan:** PCN Merlin.net™ dan jenama yang berkaitan adalah tanda dagangan dan tanda perkhidmatan Abbott dan syarikat yang berkaitan dengannya dalam pelbagai bidang kuasa, dan sebarang nama baik yang mungkin terhasil daripada tanda dagangan dan tanda perkhidmatan PCN Merlin.net™ dan jenama yang berkaitan melalui penggunaan Perkhidmatan hendaklah memberi manfaat kepada Abbott dan, jika berkenaan, hendaklah diberikan kepadanya. Tanda dagangan yang lain adalah hak milik pemilik masing-masing. Tiada lesen atau hak, sama ada nyata atau tersirat, diberikan kepada anda terhadap mana-mana tanda dagangan yang disebutkan di atas. Anda selanjutnya bersetuju bahawa anda hendaklah tidak mengalih keluar, mengaburkan, atau mengubah sebarang notis proprietari (termasuk notis tanda dagangan dan hak cipta) yang mungkin dilekatkan pada atau terkandung dalam PCN Merlin.net™ atau Perkhidmatan. Apa-apa logo, tanda perkhidmatan, tanda dagangan, nama dagangan, atau kemasan dagang Abbott tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada Abbott terlebih dahulu, kecuali untuk mengenal pasti produk atau perkhidmatan syarikat.

**8. Hak Proprietari:** Anda mengakui dan bersetuju bahawa Abbott dan/atau pemberi lesennya memiliki semua hak, hak milik dan kepentingan undang-undang, termasuk semua hak cipta, paten, hak rahsia perdagangan, tanda dagangan, dan hak harta intelek lain di dalam dan kepada Merlin.net, Perkhidmatan dan Monitor yang kami sediakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, grafik, antara muka pengguna, pengepala halaman, imej, ilustrasi, klip audio, teks, skrip, struktur pangkalan data dan perisian yang digunakan untuk melaksanakan Tapak ini, serta mana-mana perisian atau dokumen yang diberikan kepada anda sebagai sebahagian daripada dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan, termasuk semua hak harta intelek yang wujud di dalamnya, sama ada berdaftar atau tidak, dan di mana-mana sahaja di dunia hak ini mungkin wujud. Selanjutnya anda bersetuju bahawa Merlin.net, Perkhidmatan dan Monitor mengandungi maklumat proprietari dan sulit yang dilindungi oleh hak harta intelek dan undang-undang lain yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan menggunakan maklumat atau bahan proprietari tersebut dalam apa jua cara kecuali bagi penggunaan Merlin.net dan Perkhidmatan yang berkaitan dengan mematuhi Perjanjian ini. Tiada bahagian daripada Tapak atau Perkhidmatan yang boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara nyata dalam Perjanjian ini atau jika dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan. Anda hendaklah tidak membuang sebarang pengenalan pada produk atau Peranti, notis hak cipta, atau sekatan proprietari daripada Merlin.net. Anda dengan jelas mengakui dan bersetuju bahawa Perkhidmatan ini dilesenkan dan tidak dijual kepada anda, dan bahawa Abbott, pemberi lesen, sekutu dan pembekalnya, memberi anda lesen yang tidak eksklusif, tidak boleh disublesenkan dan tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Merlin.net berdasarkan Perjanjian ini, dan bahawa penggunaan Merlin.net oleh anda juga tertakluk kepada mana-mana peraturan atau dasar yang digunakan oleh penyedia pihak

ketiga Abbott. Oleh itu, anda bersetuju bahawa Abbott dan/atau pemberi lesennya tidak memindahkan kepada mana-mana Pengguna sebarang pemilikan atau hak milik dalam Merlin.net, sebarang hak harta intelek, atau mana-mana teknologi, maklumat atau bahan lain, manakala antara Pihak-pihak, Abbott, sekutunya, pembekalnya, dan pemberi lesennya, mengekalkan pemilikan eksklusif semua hak, hak milik dan kepentingan dalam dan kepada semua aspek Merlin.net, sebarang hak harta intelek, dan semua teknologi, maklumat dan bahan lain, serta mana-mana dan semua salinan atau pengubahsuaianya (oleh sesiapa sahaja dan pada bila-bila masa dibuat). **HAK YANG TIDAK DIBERIKAN SECARA JELAS DI SINI ADALAH DIMILIKI OLEH ABBOTT DAN/ATAU PEMBERI LESENNYA.** Penggunaan bahan ini dan hak berkaitan Abbott, sekutunya dan pembekalnya, dengan ini diakui kecuali semata-mata sehingga ke takat bahawa yang disebutkan di atas tidak berkuat kuasa di negara/negeri/wilayah/bidang kuasa tertentu.

**9. Maklum Balas:** Sebarang data, komen atau bahan yang anda bekalkan atau jika anda menghantar sebarang idea, maklumat, konsep, pengetahuan atau teknik atau bahan kepada kami atau berikan kepada Abbott untuk menerima sokongan atau untuk meningkatkan atau mengubah Perkhidmatan, Monitor atau mana-mana perisian, perkakasan, komponen atau bahagian lain yang membentuk Perkhidmatan, termasuk data maklum balas, seperti soalan, komen, cadangan atau seumpamanya (“**Maklum Balas**”), hendaklah dianggap bukan sulit dan bukan proprietari. Abbott hendaklah tidak mempunyai sebarang kewajipan berkenaan dengan Maklum Balas sedemikian dan hendaklah bebas untuk mengeluarkan semula, menggunakan, mendedahkan, mempamerkan, memaparkan, memindahkan, mencipta hasil terbitan dan mengedarkan Maklum Balas (selain Data dan maklumat peribadi yang mungkin termasuk dalam Maklum Balas tetapi tertakluk kepada bahagian yang bertajuk “Lesen” di bawah) melalui Tapak kami atau sebaliknya, dan Maklum Balas anda hendaklah menjadi milik eksklusif Abbott dan boleh digunakan oleh Abbott untuk sebarang tujuan tanpa pampasan kepada anda. Selain itu, Abbott hendaklah bebas untuk menggunakan sebarang idea, konsep, pengetahuan atau teknik yang terkandung dalam Maklum Balas tersebut bagi sebarang tujuan, termasuk untuk membangunkan, mengeluarkan dan memasarkan produk yang menggabungkan Maklum Balas sedemikian.

**10. Lesen:** Abbott tidak menuntut pemilikan maklumat peribadi yang anda hantar atau serahkan ke Tapak atau melalui Perkhidmatan. Dengan mendedahkan maklumat peribadi anda kepada Abbott, anda memberikannya lesen seluruh dunia, bebas royalti, boleh dipindah milik, tidak eksklusif, boleh disublesenkan semula dan berbayar sepenuhnya untuk menggunakan, mengedarkan, mengeluarkan semula, mengubah suai, menyesuaikan, menerbitkan dan menterjemahkan data tersebut bagi tujuan menyediakan Perkhidmatan kepada anda untuk tempoh selama Abbott berkewajipan untuk menyediakan Perkhidmatan sedemikian kepada anda. Abbott boleh mencipta, mengakses, mengekalkan, menggunakan atau mendedahkan kepada penyelidik pihak ketiga, data teragregat, ternyahkenal, tanpa nama (atau diberi samaran setakat yang dibenarkan oleh undang-undang anda) yang diperoleh daripada Perkhidmatan bagi tujuan penyelidikan, untuk menilai cara Perkhidmatan disediakan, untuk menilai penggunaannya dan pelbagai komponen dan peralatannya, untuk menilai prestasi atau impak terhadap klinik klinikal atau di seluruh klinik, untuk meningkatkan fungsi Tapak dan Peranti, untuk mengesahkan naik taraf Tapak atau Monitor, atau untuk pembangunan produk dan kualiti serta keselamatan peranti perubatan. Anda bersetuju bahawa lesen di sini membenarkan Abbott untuk mengambil apa-apa tindakan sedemikian. Sekiranya maklumat peribadi diberikan kepada pembekal pihak ketiga untuk membantu kami dalam penyediaan Perkhidmatan, pembekal dikehendaki menyimpan maklumat peribadi secara sulit dan selamat dan hanya boleh menggunakan maklumat peribadi sehingga ke tahap minimum yang perlu.

**11. Peruntukan Perkhidmatan oleh Abbott:** Kami akan menyediakan Perkhidmatan berdasarkan Perjanjian ini. Perkhidmatan mungkin tidak tersedia: (a) untuk masa henti yang dirancang atau tidak dirancang, penyelenggaraan, pengubahsuaian, atau penggantungan, (b) kegagalan utiliti kuasa (termasuk pertumpahan beban) dan kegagalan telekomunikasi, atau (c) apabila disebabkan oleh keadaan di luar kawalan kami yang munasabah, termasuk tanpa had, dan jika dibenarkan secara sah, bencana alam, tindakan kerajaan, banjir, kebakaran, gempa bumi, pergolakan awam, tindakan keganasan, mogok atau masalah buruh yang lain (selain daripada yang melibatkan pekerja kami), kegagalan atau kelewatan penyedia perkhidmatan Internet, kegagalan atau kelewatan mana-mana platform, perkhidmatan atau kedai perisian pihak ketiga, atau aplikasi atau Monitor yang disediakan oleh pihak ketiga, yang digunakan oleh Pesakit berkaitan dengan Perkhidmatan, atau serangan penafian perkhidmatan.

Sokongan dan latihan perkhidmatan akan disediakan kepada Klinik oleh wakil atau pengedar tempatan perkhidmatan Abbott. Kami mungkin menyediakan latihan dan sokongan tambahan dalam talian atau berasaskan telefon untuk Perkhidmatan manakala sokongan teknikal mungkin disediakan oleh syarikat sekutu Abbott.

Perkhidmatan boleh berubah dari masa ke masa apabila cirinya ditambah atau diubah. Kami berhak dari semasa ke semasa dan mengikut budi bicara mutlak kami untuk menambah, mengubah, dan membuang fungsi tertentu, dan sebaliknya menambah baik Perkhidmatan. Untuk penerangan terkini tentang Perkhidmatan pada bila-bila masa, layari [www.merlin.net](http://www.merlin.net) atau hubungi wakil perkhidmatan atau pengedar yang mengendalikan akaun pelanggan Klinik anda. Kami akan membuat usaha yang munasabah dari segi komersial untuk memberitahu anda terlebih dahulu tentang perubahan penting dan meminta persetujuan anda berhubung perubahan tersebut jika diperlukan oleh undang-undang yang berkenaan. Dari semasa ke semasa, akan ada peningkatan Perkhidmatan, atau kemas kini kecemasan, dan kami mungkin tidak dapat menyediakan Perkhidmatan kepada anda pada masa-masa tersebut. Apabila sewajarnya boleh, kami akan memberi anda notis terlebih dahulu jika kami tidak dapat menyediakan Perkhidmatan.

Kami akan menggunakan usaha yang munasabah dari segi komersial untuk memastikan bahawa Data dan Perintah yang dihantar melalui Perkhidmatan diselenggara dengan tepat dan sentiasa tersedia untuk anda bebas daripada virus dan kecacatan lain.

Anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap bentuk, ketersediaan, ketepatan, ketepatan masa, atau kandungan mana-mana Data atau Perintah yang melangkaui usaha yang munasabah dari segi komersial sedemikian.

Kami mungkin menyediakan Monitor yang baharu atau diperbaharu, dan semua jaminan, syarat dan terma lain yang tersirat oleh undang-undang atau statut, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, adalah dikecualikan daripada Perjanjian ini.

Kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran, atau sebarang kerugian atau kerosakan lain yang disebabkan oleh pemindahan Data dan Perintah melalui rangkaian dan kemudahan komunikasi termasuk Internet, dan anda mengakui bahawa Perkhidmatan mungkin tertakluk kepada batas, kelewatan dan masalah lain yang wujud dalam penggunaan kemudahan komunikasi sedemikian.

Selain menyediakan Merlin.net untuk Klinik memantau Peranti dan Data, Abbott juga akan memberi Klinik sokongan teknikal dan klinikal mengikut kontrak kami dengan Klinik. Klinik atau Pengguna boleh memberi kuasa kepada kakitangan Abbott untuk mengakses Data jika perlu demi menerima Perkhidmatan, termasuk untuk menerima sokongan teknikal dan klinikal, seperti bantuan menyahpeprijat, menaik taraf atau menyelesaikan masalah Perkhidmatan atau mentafsir Data yang dihantar dari Peranti. Apabila Abbott menjalankan pemprosesan ini bagi pihak Klinik atau atas permintaan Klinik, Abbott berbuat demikian atas peranannya sebagai pemproses/pengendali.

**12. Kewajipan Klinik:** Sebagai syarat untuk menerima Perkhidmatan, Klinik bersetuju bahawa:

- (i) ia bertanggungjawab untuk menyelia, memantau, dan melatih pekerja, wakil, kontraktor, ejen, dan orang lain di Klinik, serta setiap Pengguna yang diberi kuasa untuk menggunakan Perkhidmatan di lokasi Klinik, bagi menjamin penggunaan yang betul dan selamat. Klinik akan mengehadkan akses kepada Perkhidmatan di lokasinya kepada Pengguna yang dibenarkan secara sah. Klinik akan bertanggungjawab terhadap (a) penggunaan Perkhidmatan oleh Pengguna mereka, (b) pematuhan terhadap Perjanjian ini oleh Pengguna mereka, dan (c) akibat yang berlaku daripada sebarang pelanggaran keselamatan yang disebabkan oleh Pengguna tersebut atau yang berlaku di lokasi Klinik.
- (ii) ia akan mematuhi prosedur, garis panduan, kemas kini, dan perubahan Perkhidmatan apabila wujud dari semasa ke semasa;
- (iii) ia akan memastikan semua Pengguna Perkhidmatan mematuhi Perjanjian ini, manual pengguna, kemas kini dan sebarang undang-undang dan peraturan yang terpakai, dan Klinik bertanggungjawab sepenuhnya dan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang ketidakpatuhan;

- (iv) ia dan Penggunanya akan segera melaporkan kepada kami tentang sebarang kerosakan atau masalah tentang Perkhidmatan yang Pengguna perhatikan, dan akan bekerjasama sepenuhnya dengan kami dalam menyelesaikan isu tersebut;
- (v) ia akan segera melaporkan kepada kami sebarang insiden keselamatan di [cybersecurity@abbott.com](mailto:cybersecurity@abbott.com) atau pelanggaran data peribadi di cnprivacy@abbott.com yang berkaitan dengan Perkhidmatan yang anda nampak atau syak secara munasabah, dan bekerjasama sepenuhnya dengan kami, penguatkuasa undang-undang atau badan kawal selia lain yang berkenaan dalam menangani pelanggaran tersebut;
- (vi) selepas notis munasabah kami, ia akan menjadikan lokasinya tersedia untuk kami pada waktu perniagaan biasa untuk perkhidmatan dan sokongan teknikal, dan pada masa lain untuk perkhidmatan dan sokongan kritikal;
- (vii) ia mengakui dan bersetuju bahawa Perkhidmatan ini disediakan untuk meningkatkan penjagaan Klinik terhadap Pesakitnya, tetapi anda memahami bahawa Perkhidmatan ini bukanlah ganti kepada pertimbangan profesional anda atau tanggungjawab anda kepada Pesakit anda;
- (viii) ia akan bertanggungjawab menyediakan penjagaan kesihatan kepada Pesakitnya apabila Klinik menggunakan Perkhidmatan ini, termasuk menjalankan semakan Data tepat pada masanya dan membuat susulan dengan mengatur penjagaan kesihatan yang sesuai kepada Pesakitnya, atau jika berkenaan, penjadualan untuk pemantauan Pesakit; dan
- (ix) ia akan bertanggungjawab mendapatkan dan menyelenggara sebarang sambungan Internet, bekalan kuasa, peralatan komputer, bekalan, perisian pihak ketiga dan kakitangan yang perlu untuk Pengguna menerima Perkhidmatan. Perkhidmatan mungkin memerlukan penggunaan perisian yang disediakan oleh pihak ketiga yang bukan sekutu (cth., pelayar web dan pemapar Adobe PDF) (“**Perisian Pihak Ketiga**”) untuk mendayakan fungsi penuh Perkhidmatan. Penggunaan Perisian Pihak Ketiga oleh Klinik hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang terpakai yang ditetapkan oleh penyedia Perisian Pihak Ketiga tersebut, dan Klinik hendaklah mematuhi terma dan syarat tersebut, dan sekiranya berkenaan, membayar yuran bagi penggunaan Perisian Pihak Ketiga tersebut. Kami menafikan semua tanggungjawab, jaminan, dan liabiliti berkaitan dengan penggunaan Perisian Pihak Ketiga.

Data yang tersedia untuk Klinik melalui Perkhidmatan bukan atau bertujuan menjadi rekod perubatan elektronik. Klinik mesti memuat turun dan/atau mencetak apa-apa Data yang mana Klinik, mengikut budi bicara mutlaknya, fikirkannya perlu untuk dimasukkan ke dalam rekod perubatan Pesakit di lokasi Klinik.

ID pentadbir akan diberikan kepada Klinik. ID Pentadbir, ID Pengguna dan kata laluan adalah setara dengan tandatangan elektronik, yang akan digunakan untuk menentusahkan akses dan penggunaan Perkhidmatan. Klinik bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ID Pentadbir, ID Pengguna dan kata laluan bagi lokasi Klinik dianggap sebagai sulit dan unik bagi setiap Pengguna. Klinik bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua ID dan kata laluan tidak didedahkan kepada orang yang tidak dibenarkan atas apa-apa sebab, dan anda akan bertanggungjawab terhadap semua tindakan yang berlaku dengan penggunaan ID dan kata laluan. Klinik mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap pengurusan atau pentadbiran dalaman Pengguna Klinik. Kami boleh mengaudit penggunaan ID dan kata laluan Klinik bagi penggunaan dan akses yang betul kepada Perkhidmatan dan untuk mengenal pasti sebarang perubahan yang dibuat terhadap Data. Jika terdapat sebarang sebab untuk mempercayai bahawa ID atau kata laluan telah terdedah, Klinik akan segera mengambil semua tindakan yang diperlukan untuk menukar kata laluan yang terjejas, membuang ID Pengguna atau mengambil langkah lain yang diperlukan untuk melindungi penggunaan Perkhidmatan oleh Klinik, termasuk dengan memberitahu kami bahawa kata laluan perlu ditukar. Kami akan menukar ID dan kata laluan atas permintaan Klinik dan berhak untuk menukarnya pada bila-bila masa sekiranya disyaki berlaku pelanggaran keselamatan atau ancaman.

Klinik hendaklah memastikan bahawa semua orang yang diberikan ID Pengguna dan diberi kuasa untuk memproses Data telah komited dan terikat secara kontrak dengan kerahsiaan atau tertakluk di bawah kewajipan kerahsiaan berkanun yang sesuai (“**Kerahsiaan Data**”). Semua Pengguna bersetuju mematuhi kewajipan Kerahsiaan Data ini.

Sebarang pelanggaran mana-mana keperluan keselamatan di bawah Perjanjian ini oleh Klinik atau Pengguna boleh dianggap sebagai pelanggaran Perjanjian ini dan boleh mengakibatkan Klinik atau Pengguna kehilangan akses kepada Perkhidmatan serta-merta. Kedua-dua anda dan kami akan segera melaporkan pelanggaran keselamatan kepada satu sama lain supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Anda tidak akan mendedahkan maklumat tentang ciri atau prestasi Perkhidmatan kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan kami terlebih dahulu, kecuali seperti yang diperlukan bagi tujuan undang-undang, pengawalseliaan atau pentaulahan, atau untuk membantu anda dalam penyediaan rawatan perubatan terhadap Pesakit.

**13. Kewajipan Bersama:** Anda dan kami akan bekerjasama untuk menyelesaikan sebarang masalah atau kesilapan berhubung dengan Perkhidmatan. Anda dan kami kedua-duanya bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai bagi penggunaan Perkhidmatan ini.

**14. Kerahsiaan:** Anda dan kami akan melindungi dan akan mengambil langkah yang munasabah secara komersial untuk melindungi maklumat sulit atau proprietari Pihak lain yang dinyatakan sedemikian, seolah-olah maklumat itu milik kita sendiri. Setiap Pihak akan menggunakan maklumat sulit atau proprietari pihak lain hanya seperti yang dibenarkan oleh Perjanjian ini dan berhubung dengan Perkhidmatan. Maklumat sudah tidak akan dianggap sulit jika menjadi maklumat umum tanpa melanggar Perjanjian ini, sudah sedia diketahui, dibangunkan secara bebas oleh Pihak yang menerima selain daripada Perjanjian ini, atau diperoleh dengan betul daripada pihak ketiga yang berhak mendedahkan maklumat tersebut.

**15. Penggunaan Kandungan dan Data Abbott:** Anda mengakui bahawa sebagai pengeluar peranti perubatan, Abbott tertakluk kepada keperluan undang-undang tertentu berhubung dengan kualiti, keselamatan dan kewaspadaan selepas pasaran dan sebagai akibat daripada kewajipan undang-undang ini atas Abbott, Abbott mungkin dikehendaki menggunakan data berkaitan Perkhidmatan yang mungkin terkandung dalam Merlin.net atau yang berkaitan dengan Monitor dan Peranti bagi tujuan berikut:

- (i) untuk meningkatkan kualiti, keselamatan dan keberkesanan peranti dan sistem perubatan serta untuk membolehkan pembangunan rawatan yang inovatif dan berkesan untuk masalah berkaitan jantung;
- (ii) untuk mengesahkan fungsi dan naik taraf Perkhidmatan Merlin.net, termasuk memantau dan menambah baik keselamatan dan jaminan keselamatan perkhidmatan sedemikian;
- (iii) sekiranya perlu untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang atau seperti sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai; dan
- (iv) sekiranya Perkhidmatan atau Peranti layak untuk pembayaran balik perubatan atau sebaliknya berhak menerima manfaat keselamatan sosial, insurans atau pembiayaan awam.

Di samping itu, Abbott akan berusaha menggunakan Data daripada Perkhidmatan untuk menjalankan penyelidikan, membangunkan dan menguji peranti perubatan, termasuk ciri dan fungsi baharu dan sedia ada dan untuk menguji dan menambah baik Perkhidmatan Merlin.net, Monitor dan Peranti Abbott bagi tujuan pembangunan produk, analisis data, statistik dan tinjauan, dan apabila ia berusaha untuk berbuat demikian, ia akan mendapatkan persetujuan daripada anda atau Pesakit anda jika dikehendaki oleh undang-undang.

**16. Pemprosesan Data Peribadi Pesakit dan Pengguna oleh Abbott**

- (i) Apabila menyediakan Perkhidmatan, Abbott akan memproses maklumat peribadi Pesakit dan Pengguna bagi pihak Klinik. Penerangan tentang pemprosesan maklumat peribadi oleh Abbott dinyatakan dalam Lampiran I Perjanjian ini.
- (ii) Walau apa pun Fasal 13, setiap Klinik dan Abbott bersetuju untuk mematuhi Undang-undang Perlindungan Data yang berkenaan kerana undang-undang tersebut terpakai kepada pemprosesan masing-masing.

- (iii) Abbott akan:
- (A) hanya memproses maklumat peribadi Pesakit dan Pengguna bagi pihak Klinik mengikut arahan berdokumen Klinik seperti yang terkandung dalam Perjanjian ini, termasuk untuk menyediakan Perkhidmatan, melainkan jika diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab tunggal Klinik untuk memastikan bahawa arahan yang diberikan kepada Abbott memenuhi semua keperluan undang-undang yang berkaitan dalam wilayah yang berkenaan;
  - (B) tanpa prasangka kepada Seksyen 18, melaksanakan langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi maklumat peribadi Pesakit dan Pengguna, dengan mengambil kira teknologi terkini, kos pelaksanaan, serta sifat, skop, konteks dan tujuan pemrosesan yang sesuai dengan risiko, termasuk langkah-langkah yang dinyatakan dalam Lampiran II Perjanjian ini;
  - (C) atas permintaan Klinik, termasuk dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh atau penamatan peruntukan Perkhidmatan Abbott, atas pilihan Klinik sendiri, memadam atau mengembalikan ke Klinik tanpa kelewatan yang tidak wajar semua maklumat peribadi Pengguna dan Pesakit yang diproses oleh Abbott bagi pihak Klinik di bawah Perjanjian ini, melainkan Abbott dikehendaki atau dibenarkan untuk mengekalkan data peribadi tersebut mengikut undang-undang yang terpakai;
- (iv) Setiap pihak bersetuju, setakat yang dikehendaki oleh Undang-undang Perlindungan Data yang berkenaan, untuk memaklumi pihak yang satu lagi tentang sebarang insiden keselamatan berkaitan dengan Perkhidmatan yang menjelaskan maklumat peribadi Pengguna atau Pesakit tanpa kelewatan yang tidak wajar selepas menyedari pelanggaran sedemikian, dan jika sesuai, mengambil langkah bagi mengurangkan kemungkinan kesan buruk daripada insiden keselamatan sedemikian.
- (v) Klinik mengakui bahawa Abbott tertakluk kepada undang-undang di negara ketiga yang mungkin menghendaki Abbott memproses maklumat peribadi Pengguna dan Pesakit. Sepanjang pengetahuannya, undang-undang negara ketiga sedemikian tidak akan menjelaskan pematuhan Abbott terhadap Undang-undang Perlindungan Data yang berkenaan.

**17. Kewajipan Privasi Data Anda:** Klinik dikehendaki dan bersetuju untuk memaklumi Pengguna dan Pesakit tentang pemprosesan maklumat peribadi oleh kami berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan. Klinik dan Penggunanya hanya akan mendaftarkan Pesakit dalam Perkhidmatan yang daripadanya Klinik telah berikan Dasar Privasi Merlin.net, dan jika diperlukan, telah mendapat persetujuan terlebih dahulu. Lihat

<https://www.cardiovascular.abbott/int/en/policies/merlin-net.html>. Sekiranya Klinik dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan untuk mendapatkan persetujuan Pesakit bagi penggunaan maklumat untuk tujuan tambahan, Klinik akan memberikan salinan persetujuan yang telah dilaksanakan kepada Abbott. Ia dianggap menyalahgunakan Perkhidmatan sekiranya memasukkan Data yang berkaitan dengan Pesakit atau mana-mana individu lain tanpa terlebih dahulu memberi mereka Dasar Privasi Merlin.net, dan jika berkenaan, memperoleh pengakuan atau persetujuan bertulis daripada Pesakit atau individu lain atau pengesahan bahawa Pesakit atau individu lain tersebut telah membaca dan menerima Dasar Privasi Merlin.net. Abbott tidak akan menerima apa-apa liabiliti berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan oleh Klinik, termasuk pemasukan Data yang berkaitan dengan Pesakit atau mana-mana individu lain, sekiranya syarat ini belum dipenuhi.

**18. Keselamatan:** Kami menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk memastikan kerahsiaan, integriti, ketersediaan dan ketahanan Perkhidmatan kekal berterusan. Kami bersetuju untuk mengekalkan sebarang standard keselamatan maklumat, seperti ISO 27001 sepanjang tempoh Perjanjian ini. Komunikasi antara Tapak kami dengan akaun Pengguna disulitkan menggunakan teknologi lapisan soket selamat (SSL). Kami tidak memberi jaminan bahawa Perkhidmatan ini tidak akan terganggu atau bebas daripada kesilapan.

**19. Pemasaran:** Kandungan maklumat yang diberikan oleh Pengguna Perkhidmatan ini boleh digunakan untuk memperibadikan dan menyasarkan kandungan mana-mana e-mel atau SMS yang mungkin anda terima daripada kami yang digunakan untuk menambah baik perkhidmatan

kami kepada anda sebagai Pengguna. Pelawat dan/atau Pengguna Tapak kami tidak akan menerima sebarang pengumpulan pemasaran daripada kami hasil daripada lawatan ke Tapak kami dan kami juga tidak akan menjual atau menggunakan maklumat selain daripada yang berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan melalui Merlin.net.

**20. Penamatkan:** Perjanjian ini berkuat kuasa selagi Klinik mempunyai Pentadbir atau Pengguna dan hendaklah kekal berkuat kuasa sehingga ditamatkan. Klinik boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi kami notis 30 hari secara bertulis. Kami boleh menamatkan Perjanjian ini atas pelanggaran penting oleh anda dengan memberi anda notis 30 hari secara bertulis, melainkan anda membetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh itu. Kami boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi anda notis 90 hari secara bertulis.

**Untuk Klinik di Malaysia:** Abbott hendaklah tidak berhak menamatkan atau menggantung Perjanjian ini secara unilateral tanpa sebab yang kukuh dan sekiranya kami menamatkannya, kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memberi anda notis sewajarnya.

**21. Pengecualian dan Had Liabiliti:**

- (i) KAMI TIDAK MEMBUAT REPRESENTASI TENTANG KESESUAIAN TAPAK KAMI BAGI APA-APA TUJUAN. PCN MERLIN.NET™ DISEDIAKAN "SEBAGAIMANA ADANYA" TANPA SEBARANG JAMINAN, SYARAT, ATAU REPRESENTASI ATAU JAMINAN BERHUBUNG KETEPATANNYA. SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, KAMI DAN AHLI KUMPULAN SYARIKAT KAMI YANG LAIN DENGAN JELAS MENGECUALIKAN DAN MENAFIKAN SEMUA JAMINAN, SAMA ADA YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK JAMINAN TERSIRAT BUKAN PELANGGARAN, KEBOLEHDAGANGAN SERTA KESESUAIAN BAGI TUJUAN TERTENTU. KAMI TIDAK MEMBERI JAMINAN BAHWA PERKHIDMATAN ATAU DATA AKAN TEPAT, BOLEH DIPERCAYAI, LENGKAP, TEPAT PADA MASANYA, TERSEDIA, BOLEH DIGUNAKAN, TIDAK TERGANGGU ATAU BEBAS DARIPADA RALAT. INTERNET TIDAK BOLEH DIJAMIN 100% SELAMAT, DAN KAMI TIDAK DAPAT MEMASTIKAN ATAU MENJAMIN KESELAMATAN SEBARANG MAKLUMAT YANG ANDA BERIKAN KEPADA KAMI. DALAM APA JUA KEADAAN, KAMI, ATAU MANA-MANA AHLI KUMPULAN SYARIKAT KAMI YANG LAIN, HENDAKLAH BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEBARANG KEROSAKAN KHAS, TIDAK LANGSUNG ATAU BERBANGKIT ATAU SEBARANG KEROSAKAN YANG DISEBABKAN OLEH PENGGUNAAN, KEHILANGAN DATA, KERUGIAN YANG DISEBABKAN OLEH KOMPUTER ATAU VIRUS ELEKTRONIK, KEHILANGAN PENDAPATAN ATAU KEUNTUNGAN, KEHILANGAN REPUTASI, KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN HARTA BENDA, TUNTUTAN PIHAK KETIGA ATAU KERUGIAN LAIN DALAM APA JUA BENTUK ATAU WATAK, SAMA ADA DALAM TINDAKAN DALAM KONTRAK, KECUAIAN ATAU TORT LAIN (ATAU DELIK) ATAU SEBARANG TINDAKAN UNDANG-UNDANG LAIN, YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN ATAU PRESTASI TAPAK KAMI, WALAUPUN KAMI TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN KERUGIAN TERSEBUT, KECUALI DINYATAKAN SEBALIKNYA SECARA NYATA DALAM MANA-MANA TERMA DAN SYARAT YANG BERKENAAN DAN DILAKSANAKAN DENGAN SEWAJARNYA ANTARA KAMI DAN PELANGGAN KAMI YANG MENGAWAL PENGGUNAAN PCN MERLIN.NET™. HAD LIABILITIINI TERPAKAI, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, PENGHANTARAN SEBARANG PERANTI ATAU VIRUS YANG MELUMPUHKAN YANG BOLEH MENJANGKITI PERALATAN ANDA, KEGAGALAN PERALATAN MEKANIKAL ATAU ELEKTRIK ATAU TALIAN KOMUNIKASI, TELEFON ATAU MASALAH SAMBUNGAN LAIN (CONTOHNYA, ANDA TIDAK BOLEH MENGAKSES PENYEDIA PERKHIDMATAN INTERNET ANDA), AKSES TANPA KEBENARAN ATAU RALAT PENGENDALI. TIADA APA-APA DALAM PERJANJIAN INI HENDAKLAH MENGEHADKAN LIABILITI KAMI BAGI SEBARANG LIABILITI YANG TIDAK BOLEH DIKECUALIKAN ATAU TERHAD DI BAWAH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN.
- (ii) SESETENGAH BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN PENGECAULIAN ATAU HAD LIABILITI UNTUK KEROSAKAN BERBANGKIT ATAU KEROSAKAN SAMPINGAN. OLEH ITU, HAD DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA. DI SAMPING ITU, TIADA APA-APA DALAM TERMA INI YANG MENGEHADKAN ATAU MENGECAULIKAN

SEBARANG LIABILITI YANG TIDAK BOLEH DIHADKAN ATAU DIKECUALIKAN OLEH UNDANG-UNDANG.

- (iii) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, dalam apa jua keadaan kami tidak akan dipertanggungjawab terhadap Klinik atau Pengguna (atau pesakit, pekerja, kontraktor, atau ejen Klinik) atas sebarang kerugian, kos, kerosakan, caj atau perbelanjaan ekonomi tidak langsung, khas, berbangkit atau tulen dalam apa jua bentuk yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini (sama ada dalam waranti, kontrak atau tort, termasuk kecuaian, delik, atau liabiliti produk walaupun dimaklumkan tentang kemungkinannya), termasuk tanpa had perbelanjaan perubatan, yuran guaman, kehilangan hasil atau keuntungan (sama ada secara langsung atau tidak langsung), kerugian atau gangguan perniagaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan yang dijangkakan, kehilangan penggunaan, atau kerugian atau kerosakan Data atau maklumat. Dalam apa jua keadaan, Abbott atau mana-mana syarikat sekutu Abbott yang terlibat dalam menyediakan Perkhidmatan ini tidak akan menerima sebarang bentuk liabiliti atau bertanggungjawab secara bersama dengan Abbott.
- (iv) Melainkan bagi kewajipan ganti rugi yang dinyatakan di sini, jumlah liabiliti teragregat kami kepada Klinik (termasuk apa-apa liabiliti bagi tindakan atau kegagalan melakukan tindakan oleh pekerja, ejen, perunding dan subkontraktor kami) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini atau Perkhidmatan yang disediakan di bawah ini, sama ada dalam kontrak, tort (termasuk kecuaian atau pelanggaran kewajipan berkanun), delik, salah gambaran, restitusi atau sebaliknya hendaklah terhad kepada membaiaki atau membetulkan apa-apa kesalahan Perkhidmatan, walaupun sekiranya mana-mana kerugian sedemikian boleh diramalkan atau dipertimbangkan oleh Pihak-pihak, atau jika berkenaan, hendaklah tidak boleh melebihi amaun yang lebih besar daripada yang sebenarnya dibayar oleh Klinik untuk Perkhidmatan, USD\$100.00 atau amaun yang setara dalam bidang kuasa Klinik yang dikira berdasarkan masa tuntutan dibuat.
- (v) Dalam apa jua keadaan, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap Klinik (atau pesakit, pekerja, kontraktor, ejen atau pengguna Klinik) bagi sebarang kerugian, kos, kerosakan, caj atau perbelanjaan yang disebabkan oleh kerugian, penyelewengan, akses tanpa kebenaran atau pengubahauan Data oleh mana-mana pihak ketiga, atau daripada kesilapan, kegagalan membuat tindakan atau kelewatan dalam penghantaran maklumat, atau daripada gangguan dalam sambungan telekomunikasi ke Perkhidmatan, virus atau kegagalan prestasi atau daripada kesan Perkhidmatan pada sistem maklumat atau komunikasi anda, untuk pemintasan atau gangguan dalam Perkhidmatan, termasuk tanpa batasan perkhidmatan rangkaian atau sebarang rekod atau komunikasi lain yang disediakan oleh anda, mana-mana Pesakit atau oleh kami di bawah Perjanjian ini.
- (vi) Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini yang mengehadkan atau mengecualikan liabiliti terhadap kematian atau kecederaan diri akibat kecuaian, tindakan atau kegagalan membuat tindakan bagi sebarang kerosakan atau liabiliti yang ditanggung akibat penipuan atau salah gambaran bersifat penipuan atau salah laku yang disengajakan, atau kecuaian besar yang terang-terangan, yang bermaksud ketidakpedulian yang terang-terangan terhadap tahap kecuaian yang teruk setara dengan pengabaian melulu.

**Untuk Klinik di Malaysia:** Seksyen 21 ini hendaklah hanya terpakai sehingga ke takat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang. Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini yang boleh mengecualikan atau mengehadkan liabiliti Abbott terhadap kematian atau kecederaan diri yang disebabkan oleh kecuaian Abbott berhubung dengan Perkhidmatan.

**22. Ganti Rugi:** Kami akan membayar ganti rugi kepada Klinik atas sebarang tuntutan atau tindakan pihak ketiga yang mendakwa berlaku pelanggaran paten, hak cipta, tanda dagangan, rahsia perdagangan, atau harta intelek atau hak proprietari lain yang timbul daripada penerimaan Perkhidmatan oleh anda mengikut Perjanjian ini. Sebagai syarat bagi perlindungan ini, Klinik mesti memberi kami notis bertulis segera tentang tindakan atau tuntutan tersebut, memberi kami hak untuk memilih perwakilan undang-undang dan mengawal pembelaan, dan bekerjasama sepenuhnya dengan kami dalam pembelaan daripada sebarang tuntutan atau tindakan sedemikian.

Jika sebarang tindakan undang-undang pentadbiran, pengawalseliaan, atau pihak ketiga lain dikenakan terhadap kami, pekerja, ejen, atau wakil kami, yang mengakibatkan sebarang denda,

pemberian ganti rugi, atau kos lain (termasuk yuran guaman dan kos mahkamah) kerana pelanggaran kewajipan anda dan keperluan di bawah Perjanjian ini, anda bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada kami bagi sebarang kos sedemikian.

Pihak yang menanggung rugi akan mempunyai hak untuk mempertahankan atau menyelesaikan dan/atau memilih wakil undang-undang dan pihak yang menanggung rugi hendaklah menyediakan semua bantuan yang munasabah, atas tanggungan anda.

**Untuk Pengguna di Malaysia:** Seksyen 22 ini hendaklah hanya terpakai sehingga ke takat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang.

**23. Remedi:** Pelanggaran Perjanjian ini boleh disiasat dan tindakan undang-undang yang sewajarnya boleh diambil, termasuk tindakan sivil, jenayah atau pelepasan saksama. Anda memahami dan bersetuju bahawa Abbott, mengikut budi bicara mutlaknya, dan tanpa notis terlebih dahulu, boleh menamatkan akses anda ke Tapak kami, membuang sebarang kandungan pengguna yang tidak dibenarkan atau melaksanakan sebarang remedii lain yang tersedia jika kami percaya, mengikut budi bicara mutlak kami, bahawa kelakuan anda atau kelakuan mana-mana orang yang kami percaya anda bertindak selaras dengan, atau kandungan pengguna yang anda berikan, melanggar atau tidak konsisten dengan Perjanjian ini atau undang-undang yang berkenaan atau melanggar hak kami atau hak sekutu kami, pemberi lesen atau Pengguna Tapak kami yang lain. Anda bersetuju bahawa ganti rugi kewangan mungkin tidak memberikan kami remedii yang mencukupi bagi pelanggaran Perjanjian ini dan anda bersetuju dengan injunksi/perintah larangan atau pelepasan saksama yang lain bagi pelanggaran sedemikian. Versi bercetak Perjanjian ini dan apa-apa notis berkaitan yang diberikan dalam bentuk elektronik hendaklah boleh diterima dalam prosiding kehakiman atau pentadbiran berdasarkan atau berkaitan dengan Perjanjian ini sehingga ke takat yang sama dan tertakluk kepada syarat yang sama sebagaimana dokumen dan rekod perniagaan lain yang asalnya dihasilkan dan dikenalkan dalam bentuk bercetak.

**24. Keseluruhan Perjanjian:** Perjanjian ini membentuk keseluruhan perjanjian antara Pihak-pihak dan menggantikan serta melenyapkan semua perjanjian, janji, jaminan, waranti, perwakilan dan pemahaman sebelumnya antara mereka, sama ada bertulis atau lisan, yang berkaitan dengan perkara pokoknya. Setiap pihak bersetuju bahawa ia hendaklah tidak mempunyai remedii berkenaan dengan apa-apa pernyataan, perwakilan, jaminan atau waranti (sama ada dibuat secara tidak sengaja atau cuai) yang tidak dinyatakan dalam Perjanjian ini. Setiap pihak bersetuju bahawa ia hendaklah tidak mempunyai tuntutan bagi salah gambaran yang tidak disengajakan atau cuai atau kecuaian memberi kenyataan salah berdasarkan mana-mana pernyataan dalam Perjanjian ini.

**25. Kontraktor Bebas:** Hubungan antara Klinik dengan kami adalah semata-mata sebagai kontraktor bebas dan tiada apa-apa dalam Perjanjian ini yang bertujuan untuk mewujudkan perkongsian atau usaha sama antara Klinik dengan kami.

**26. Tugasan:** Anda tidak boleh menugaskan mana-mana hak atau tanggungjawab anda di bawah Perjanjian ini tanpa persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu, termasuk berkaitan dengan pemindahan kawalan atau pemilikan lokasi atau amalan perubatan anda. Kami memahami bahawa individu dan entiti di bawah kontrak kepada anda boleh melaksanakan perkhidmatan pentadbiran tertentu bagi pihak anda di bawah Perjanjian ini.

**27. Manfaat Pihak-Pihak:** Anda dan kami secara khusus berhasrat bahawa anda dan kami adalah satu-satunya benefisiari dalam Perjanjian ini. Tiada Pesakit atau individu atau entiti lain yang merupakan pihak ketiga dalam Perjanjian ini, selain daripada ahli kumpulan syarikat kami yang lain seperti yang dinyatakan dengan jelas di sini, hendaklah mempunyai sebarang hak di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian ini, melainkan sebaliknya layak berdasarkan undang-undang.

**28. Terma yang Bertahan:** Mana-mana bahagian atau janji dalam Perjanjian ini yang, secara praktikalnya, akan terus bertahan selepas penamatan Perjanjian ini, akan terus bertahan.

**29. Kuasa Campur Tangan:** Jika satu pihak dihalang daripada melaksanakan kewajipannya atau tujuannya di bawah Perjanjian ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada, bencana alam, musuh awam, perang, rusuhan, malapetaka, ribut, gempa bumi, bencana alam yang lain, oleh perintah, dekri atau nasihat kerajaan, oleh kecemasan awam, mogok, sekatan sistem pengangkutan atau utiliti komunikasi yang ketara, atau oleh tindakan yang disengajakan oleh sesiapa sahaja yang bukan pihak dalam Perjanjian ini, maka

pihak tersebut, setelah memberikan notis bertulis kepada pihak yang satu lagi, akan dikecualikan daripada pelaksanaan tersebut untuk tempoh yang munasabah bagi peristiwa tersebut.

**30. Penepian:** Jika mana-mana pihak mengetepikan sebarang pelanggaran Perjanjian ini, ia tidak akan dianggap sebagai penepian terhadap sebarang pelanggaran lain dalam Perjanjian ini. Kegagalan kami untuk mendesak pelaksanaan yang ketat akan mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini tidak akan berfungsi sebagai penepian oleh kami terhadap perkara tersebut atau sebarang kesalahan atau kegagalan pelaksanaan yang berikutnya.

**31. Kebolehasingan:** Jika, atas apa-apa sebab, mana-mana terma, peruntukan atau sebahagian daripada Perjanjian ini tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa, semua terma, peruntukan atau bahagian lain akan kekal berkuat kuasa dan tidak menjaskan mana-mana terma, peruntukan atau bahagian yang lain atau membatalkan terma, peruntukan atau bahagian tersebut atau menjadikannya tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa lain. Bahagian yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan akan diperbaharu hanya setakat yang diperlukan untuk menjadikannya sah dan boleh dikuatkuasakan dan setelah penentuan sedemikian, pembaharuan tersebut akan diusahakan supaya berkesan pada niat asal Pihak-pihak seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini sejauh mana yang mungkin.

**32. Pemeliharaan Hak dalam Perkhidmatan:** Tertakluk kepada hak terhad yang diberikan secara nyata di bawah ini, kami menyimpan semua hak, pemilikan dan kepentingan dalam dan kepada Perkhidmatan, termasuk semua hak harta intelek yang berkaitan. Tiada hak yang diberikan kepada anda selain daripada yang dinyatakan dengan jelas di sini.

**33. Bahasa:** Pihak-pihak bersetuju bahawa bahasa Inggeris akan menjadi bahasa rasmi Perjanjian ini dan semua dokumen yang dipertimbangkan oleh Perjanjian ini. Jika terdapat sebarang konflik, konflik yang jelas atau kecaburan antara mana-mana klausula dalam Perjanjian ini dalam bahasa Inggeris dan bahasa terjemahannya, ungkapan bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

**34. Undang-Undang dan Tempat yang Berkenaan:** Perjanjian ini dan sebarang pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengannya atau perkara pokok atau pembentukannya (termasuk pertikaian atau tuntutan bukan kontrak) hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang di Lokasi Klinik yang menerima Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini. Anda bersetuju bahawa Perjanjian ini hendaklah dilaksanakan sepenuhnya di lokasi Klinik yang menerima Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini, dan anda bersetuju bahawa bidang kuasa dan tempat tersebut telah ditetapkan dengan betul berhubung dengan sebarang prosiding yang timbul daripada Perjanjian ini atau hubungan antara Pihak-pihak di sini. Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kontrak tidak mengawal Perjanjian ini bagi Jualan Barangan Antarabangsa. Walau apa pun yang disebutkan di atas, sekiranya berlaku pelanggaran atau ancaman pelanggaran kewajipan anda berkenaan dengan kerahsiaan atau harta intelek, kami berhak mendapat pelepasan yang saksama, termasuk perintah penahanan, injunksi, pelaksanaan khusus dan apa-apa pelepasan lain yang mungkin tersedia dari mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten.

**35. Penyelesaian Pertikaian:** Sekiranya pertikaian timbul antara Pihak-pihak berhubung Perjanjian ini, Pihak-pihak akan cuba menyelesaikan pertikaian tersebut dengan niat baik melalui rundingan langsung oleh wakil setiap Pihak. Jika rundingan tersebut tidak menyelesaikan perkara itu dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas notis pertikaian diberikan, perkara itu akan diselesaikan dengan prosedur penyelesaian pertikaian alternatif berikut ("ADR"), kecuali sehingga ke takat Perjanjian ini tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah sesebuah negara seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam Seksyen 34.

Untuk memulakan prosiding ADR, satu Pihak hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pihak yang satu lagi berhubung isu yang akan diselesaikan oleh ADR. Dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penerimaan notis ADR, Pihak yang satu lagi boleh, melalui notis bertulis, mengemukakan isu tambahan yang perlu diselesaikan. Dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas penerimaan notis ADR asal, Pihak-pihak hendaklah memilih satu pihak berkecuali yang bebas, saksama dan bebas konflik yang boleh diterima bersama untuk mempengerusikan prosiding. Jika Pihak-pihak tidak dapat bersetuju dengan pihak berkecuali yang boleh diterima bersama dalam tempoh tersebut, setiap Pihak akan memilih satu pihak berkecuali yang bebas, saksama dan bebas konflik dan kedua-dua pihak berkecuali ini akan memilih pihak berkecuali ketiga yang bebas, saksama dan bebas konflik dalam tempoh sepuluh (10) hari selepas itu. Mana-

mana pihak berkecuali yang dipilih tidak boleh merupakan pekerja, pegawai atau pengarah atau mantan pekerja, pegawai atau pengarah salah bagi satu Pihak atau anak syarikat atau sekutunya. Pihak-pihak hendaklah bersidang di lokasi yang dipersetujui bersama untuk menjalankan perbicaraan di hadapan pihak berkecuali tidak lewat dari lima puluh enam (56) hari selepas pemilihan pihak berkecuali (melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Pihak-pihak).

Proses ADR hendaklah merangkumi pertukaran barang kes sebelum pembicaraan dan ringkasan keterangan saksi yang menjadi sandaran setiap Pihak, keputusan dan remedi yang dicadangkan tentang setiap isu, serta kenyataan ringkas untuk menyokong keputusan dan remedi yang dicadangkan oleh setiap Pihak, tidak melebihi dua puluh (20) muka surat. Pertukaran sebelum pembicaraan mesti diselesaikan selewat-lewatnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh pembicaraan. Sebarang pertikaian yang berkaitan dengan pertukaran sebelum pembicaraan hendaklah diselesaikan oleh pihak berkecuali. Tiada penemuan hendaklah dibenarkan dengan apa jua cara, termasuk depositi, soal siasat, permintaan untuk pengakuan, atau pengemukaan dokumen. Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding ADR hendaklah bahasa Inggeris, melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Pihak-pihak.

Pembicaraan hendaklah dijalankan pada dua (2) hari berturut-turut, dengan setiap Pihak berhak mendapat lima (5) jam masa pembicaraan untuk membentangkan kesnya, termasuk pemeriksaan silang. Pihak berkecuali hendaklah menerima pakai secara keseluruhannya keputusan yang dicadangkan dan remedi salah satu Pihak berkenaan setiap isu yang dipertikaikan tetapi boleh menerima pakai keputusan dan remedi yang dicadangkan oleh satu Pihak tentang sesetengah isu dan keputusan dan remedi yang dicadangkan oleh Pihak yang satu lagi tentang isu lain. Pihak berkecuali hendaklah membuat keputusan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas pembicaraan, hendaklah tidak mengeluarkan sebarang pendapat bertulis, dan hendaklah tidak merujuk mana-mana bahagian pertikaian kepada pengantaraan tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak-Pihak. Keputusan pihak berkecuali hendaklah mengikat, dan tidak boleh dirayu dan boleh dimasukkan sebagai penghakiman akhir di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa. Pihak berkecuali hendaklah dibayar yuran yang munasabah serta perbelanjaan tambahan. Yuran dan perbelanjaan ini, bersama-sama dengan yuran dan kos perundangan yang munasabah Pihak yang menang (termasuk semua yuran dan perbelanjaan saksi pakar), yuran serta perbelanjaan wartawan mahkamah, dan apa-apa perbelanjaan untuk bilik pembicaraan, hendaklah dibayar seperti berikut:

- (i) jika pihak berkecuali memutuskan memihak kepada satu Pihak dalam semua isu yang dipertikaikan dalam ADR, Pihak yang kalah hendaklah membayar 100% daripada yuran dan perbelanjaan sedemikian.
- (ii) jika keputusan pihak berkecuali memihak kepada satu Pihak dalam sesetengah isu dan Pihak yang satu lagi dalam isu lain, pihak berkecuali hendaklah mengeluarkan keputusan secara bertulis tentang cara yuran dan perbelanjaan sedemikian hendak dibahagikan antara Pihak-pihak. Pihak berkecuali hendaklah mengagihkan yuran dan perbelanjaan dengan cara yang sewajarnya berhubung kait dengan hasil ADR, dengan Parti yang memenangi lebih banyak isu, atau isu yang lebih tinggi nilai atau lebih besar impaknya, mendapat kembali bahagian yang lebih besar daripada yuran dan perbelanjaan guamannya.

**36. Notis berkenaan Apple:** Bahagian ini hanya terpakai hingga ke takat anda menggunakan aplikasi mudah alih kami pada peranti iOS yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Anda mengakui bahawa Perjanjian ini adalah antara anda dengan kami sahaja, bukan dengan Apple Inc. (“Apple”), dan Apple tidak bertanggungjawab terhadap Perkhidmatan dan kandungannya. Hak anda untuk menggunakan Perkhidmatan dalam bentuk aplikasi pada peranti iOS terhad kepada lesen yang tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan aplikasi pada mana-mana produk berjenama Apple yang dimiliki atau dikawal oleh pengguna dan seperti yang dibenarkan oleh Peraturan Penggunaan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Media Apple. Apple tidak mempunyai apa-apa kewajipan sekalipun untuk memberikan sebarang perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan berhubung dengan Perkhidmatan. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan Perkhidmatan untuk mematuhi sebarang jaminan yang berkenaan, anda boleh memaklumkan Apple dan Apple akan membayar balik sebarang harga pembelian yang berkenaan untuk aplikasi mudah alih kepada anda; dan sehingga ke takat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Apple tidak mempunyai kewajipan jaminan lain berkenaan dengan Perkhidmatan. Apple tidak bertanggungjawab menangani sebarang tuntutan oleh anda atau mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Perkhidmatan atau pemilikan dan/atau

penggunaan Perkhidmatan oleh anda, termasuk: (a) tuntutan liabiliti produk; (b) sebarang tuntutan bahawa Perkhidmatan gagal mematuhi apa-apa keperluan undang-undang atau peraturan yang berkenaan; dan (c) tuntutan yang timbul di bawah perlindungan pengguna, privasi, atau undang-undang yang serupa. Semua tanggungjawab sedemikian dibahagikan antara kami dan anda di bawah Perjanjian ini. Apple tidak bertanggungjawab terhadap penyiasatan, pembelaan, penyelesaian dan pelepasan mana-mana tuntutan pihak ketiga bahawa Perkhidmatan dan/atau pemilikan serta penggunaan Perkhidmatan oleh anda melanggar hak harta intelek pihak ketiga. Anda bersetuju mematuhi mana-mana terma pihak ketiga yang berkenaan apabila menggunakan Perkhidmatan ini. Apple dan anak syarikat Apple merupakan beneficiari pihak ketiga dalam Perjanjian ini, dan apabila anda menerima Perjanjian ini, Apple akan mempunyai hak (dan akan dianggap telah menerima hak tersebut) untuk menguatkuasakan Perjanjian ini terhadap anda sebagai beneficiari pihak ketiga dalam Perjanjian ini. Anda bersetuju bahawa Apple tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyelenggaraan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengan Perkhidmatan.

**37. Notis berkenaan Google:** Bahagian ini hanya terpakai sehingga ke takat anda menggunakan aplikasi mudah alih kami pada peranti Android yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Anda mengakui bahawa Perjanjian ini adalah antara anda dengan kami sahaja, bukan dengan Alphabet Inc. (“Google”), dan Google tidak bertanggungjawab terhadap Perkhidmatan dan kandungannya. Anda bersetuju bahawa Google tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyelenggaraan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Klinik bersetuju untuk hanya menggunakan Data bagi memberikan penjagaan kepada Pesakit.

**38. Perubahan kepada Perjanjian Ini:** Abbott berhak mengubah Perjanjian ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Pengguna Tapak kami diharapkan sentiasa menyemak Perjanjian ini berhubung perubahan kerana ia mengikat anda. Kami menggalakkan anda menyemak Perjanjian ini setiap kali anda menggunakan Tapak kami. Kemas kini akan ditunjukkan oleh perubahan dalam Tarikh Kuat Kuasa dan penggunaan berterusan Tapak kami serta akses berterusan kepada PCN dan Perkhidmatan Merlin.net berikutan sebarang perubahan tersebut merupakan persetujuan anda untuk mengikuti dan terikat dengan versi terkini Perjanjian ini. Anda akan dapat menyimpan atau mencetak perubahan terhadap Terma Penggunaan ini dalam bentuk yang boleh dibaca.

**Untuk Klinik di Malaysia:** Kami hendaklah mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menambah, memadam, meminda atau mengubah suai Perjanjian ini, atau mana-mana bahagiannya, dari semasa ke semasa. Penambahan, pemadaman, pindaan atau pengubahsuaian sedemikian hendaklah berkuat kuasa serta-merta setelah notis tentangnya diberikan, yang mungkin diberikan melalui, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, siaran di Merlin.net, atau melalui mel elektronik atau konvensional, atau dengan cara lain anda memperoleh notis tentangnya. Sebarang penggunaan Merlin.net oleh anda selepas penerbitan notis hendaklah dianggap sebagai penerimaan Perjanjian ini dengan penambahan, pemadaman, pindaan, atau pengubahsuaian sedemikian melainkan anda memberitahu kami bahawa anda membantah atau tidak bersetuju dalam tempoh 30 hari setelah dimaklumkan atau dianggap pemberitahuan penambahan, pemadaman, pindaan atau pengubahsuaian sedemikian. Jika anda tidak bersetuju atau membantah sebarang penambahan, pemadaman, pindaan atau pengubahsuaian sedemikian, kami berhak menamatkan Perjanjian ini dan penggunaan Merlin.net oleh anda dengan memberikan notis 30 hari kepada anda.

Apa-apa duti setem yang perlu dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini dan denda sekiranya tidak dibayar (jika ada) hendaklah ditanggung oleh anda.

**39. Takrifan Abbott.** Bagi tujuan Perjanjian ini, Abbott bermaksud syarikat sekutu Abbott tempatan anda untuk Lokasi utama anda, seperti yang disenaraikan di <https://www.cardiovascular.abbott/int/en/hcp/products/cardiac-rhythm-management/affiliates.html>.

**40. Maklumat Hubungan:** Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai Perjanjian ini, jika anda tidak lagi ingin menjadi Pengguna Tapak kami atau jika Pesakit sudah tidak mahu menyertai Merlin.net, sila hubungi kami di [cnpriavacy@abbott.com](mailto:cnpriavacy@abbott.com).

#### **LAMPIRAN I: PENERANGAN TENTANG PEMPROSESAN**

*Kategori subjek data yang data peribadinya diproses*

- (i) Pekerja klinik atau pengguna lain yang dibenarkan dan diberikan ID pengguna pentadbiran untuk Rangkaian Penjagaan Pesakit Merlin.net™ dan pengguna klinik yang dibenarkan dan diberikan ID pengguna kepada Rangkaian Penjagaan Pesakit Merlin.net™; dan
- (ii) Pesakit didaftarkan di Merlin.net oleh klinik.

*Kategori data peribadi yang diproses*

**Pekerja Klinik atau Pengguna Dibenarkan Lain:** nama, nombor telefon, alamat e-mel, nama klinik, dan negara klinik. Maklumat tambahan, jika disediakan oleh klinik, merangkumi jawatan atau peranan dan ID klinik.

**Pesakit yang Didaftarkan di Merlin.net™ oleh Anda:** Medan data pesakit yang diperlukan termasuk tarikh lahir, nombor siri peranti yang diimplan, serta maklumat yang berkaitan dengan fungsi peranti yang diimplan. Nama pesakit dan nama keluarga pesakit mungkin diperlukan bergantung pada sama ada ID Pesakit disediakan oleh klinik. Bergantung pada peranti yang diimplan, telefon utama pesakit, e-mel, dan/atau tarikh pesakit diimplan mungkin diperlukan. Data tambahan pesakit, jika diberikan oleh klinik, termasuk jantina, bahasa pilihan, nombor pesakit yang ditetapkan oleh klinik atau pengecam pesakit yang lain, dan nombor hubungan kecemasan untuk pesakit, termasuk nama, nombor telefon, dan alamat mereka. Data tambahan pesakit, jika diberikan oleh klinik, termasuk bangsa, ubat-ubatan, kemasukan hospital, maklumat tentang keadaan pesakit, diagnosis dan rawatan.

*Sifat pemprosesan*

Data peribadi hendaklah tertakluk kepada operasi pemprosesan berikut:

- Menerima data, termasuk pengumpulan, akses, pengambilan, rakaman dan kemasukan data;
- Menyimpan data, termasuk storan, organisasi dan penstrukturran;
- Melindungi data, termasuk menyekat, menyulitkan, dan menguji keselamatan;
- Mengembalikan data kepada pengeksport data;
- Menghapuskan data, termasuk pemusnahan dan pemadaman;
- Menyokong peranti jantung yang diimplan;
- Bagi peranti yang menyokong keupayaan pengaturcaraan jauh, membolehkan penyediaan penjagaan kesihatan membuat pelarasian kepada peranti dari jauh melalui Merlin.net;
- Latihan dan penyelenggaraan Merlin.net™;
- Pengumpulan dan pengehosan data;
- Penghantaran melalui pemancar elektronik (monitor);
- Pelaporan maklumat dan penghantaran;
- Atas permintaan anda, bantuan dengan tafsiran atau analisis maklumat berkaitan peranti yang tertentu;
- Perkhidmatan sokongan teknikal dan klinikal; dan
- Pesakit yang diimplan dengan peranti jantung terimplan Abbott boleh menghantar maklumat yang dikumpulkan dari peranti perubatan terimplan masing-masing ke Merlin.net secara automatik untuk membolehkan klinik dan pasukan perubatan Pesakit menerima kemas kini berkala tentang prestasi dan status peranti jantung terimplan mereka bagi pemantauan jauh terhadap aspek-aspek tertentu keadaan Pesakit.

*Tujuan bagi data peribadi diproses bagi pihak pengawal*

Untuk menyediakan, mengendalikan dan menyelenggara Rangkaian Penjagaan Pesakit Merlin.net™, termasuk pemprosesan yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengan pengendalian Peranti yang dipantau oleh Perkhidmatan Merlin.net.

*Tempoh pemprosesan*

Pengimport data akan terus menyimpan data peribadi pesakit pengeksport sepanjang tempoh Pengawal menggunakan perkhidmatan, melainkan Pengawal memilih untuk menghapuskan data

peribadi pesakit mereka lebih awal. Selanjutnya, pemproses boleh mengekalkan data peribadi mengikut keperluan undang-undang yang berkenaan.

*Untuk pemprosesan oleh (sub) pemproses, nyatakan juga perkara, sifat dan tempoh pemprosesan*

<b>Nama subpemproses</b>	<b>Alamat subpemproses</b>	<b>Penerangan perkhidmatan</b>	<b>Lokasi tempat perkhidmatan disediakan</b>
Abbott Laboratories	15900 Valley View Court, Sylmar, California 91342 USA	Untuk menyediakan, mengendalikan dan menyelenggara Rangkaian Penjagaan Pesakit Merlin.net™	AS <a href="#">Fasal Kontrak Standard Pemproses-ke-Pemproses</a>
Microsoft Azure	700 Bellevue Way NE - 22nd Floor Bellevue, Washington, 98004 USA	Perkhidmatan pengehosan Azure untuk data yang disulitkan dari 3Q23	AS <a href="#">Dokumen Pelesenan (microsoft.com)</a>
Twilio	101 Spear Street, First Floor, San Francisco, California 94105 USA	Digunakan oleh Abbott Heart Failure bagi perkhidmatan mesej telefon automatik yang diterangkan dalam Dasar Privasi Merlin.net	AS
Five9	3001 Bishop Drive, Suite 350, San Ramon, California 94583 USA	Digunakan oleh Bahagian Pengurusan CardioRhythm sebagai sistem komunikasi telefon berasaskan awan bagi perkhidmatan sokongan Merlin	AS
Salesforce	415 Mission Street, 3rd Floor, San Francisco, California 94105, United States	Sistem pengurusan perhubungan pelanggan yang digunakan oleh Bahagian Pengurusan CardioRhythm Abbott dalam menyediakan perkhidmatan sokongan peranti untuk SyncUp	AS

#### **LAMPIRAN II: LANGKAH TEKNIKAL DAN ORGANISASI TERMASUK LANGKAH TEKNIKAL DAN ORGANISASI BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN DATA**

##### **LANGKAH RANGKAIAN PENJAGAAN PESAKIT MERLIN.NET™ ABBOTT**

###### **Pentauliahan/Pensijilan**

###### **1. ISO 27001:**

Abbott dan Merlin.net telah diperakui dengan piawaian Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013. Pensijilan ISO mengakui bahawa Merlin.net telah membangunkan proses dan standard yang mengekalkan tahap kerahsiaan, integriti dan ketersediaan yang diperlukan untuk pelanggan. Salinan pensijilan ISO terkini untuk Merlin.net tersedia atas permintaan.

###### **Langkah Keselamatan**

Abbott telah melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi berikut untuk memastikan kerahsiaan, integriti, ketersediaan dan ketahanan sistem dan perkhidmatan pemprosesannya sentiasa berterusan:

**1. Kawalan akses fizikal kawasan pemprosesan (kerahsiaan):**

Langkah yang diambil oleh penyedia perkhidmatan awan terkemuka industri Abbott untuk menghalang akses tanpa kebenaran terhadap peralatan pemprosesan data (contohnya, telefon, pangkalan data dan pelayan aplikasi, dan perkakasan yang berkaitan) tempat data peribadi diproses termasuk langkah berikut yang sesuai:

- (i) Aset Merlin.net ditempatkan dalam dua pusat data komputer yang diperakui ISO/IEC 27001:2013;
- (ii) Pusat data dipantau sepanjang masa oleh pengawal keselamatan dan/atau kamera keselamatan dan sensor lain yang boleh mengesan dan menjelaki individu yang tidak dibenarkan;
- (iii) Akses fizikal kepada kemudahan, termasuk pusat data, diberikan berdasarkan tanggungjawab kerja dan memerlukan kelulusan pihak pengurusan;
- (iv) Pelawat dikehendaki menandatangani log pelawat sebelum masuk dan mesti dikawal oleh kakitangan Abbott pada setiap masa; dan
- (v) Hak akses fizikal serta kawalan pengesahan (contohnya, pembaca kad) di pintu masuk dan keluar dilaksanakan, didokumenkan dan diperiksa dengan kerap.

**2. Kawalan akses kepada sistem pemprosesan data (kerahsiaan):**

Abbott mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghalang sistem pemprosesan datanya daripada digunakan oleh individu yang tidak dibenarkan. Ini dicapai melalui:

- (i) Pengesahan berbilang faktor;
- (ii) Menghadkan akses kepada perkhidmatan melalui penyulitan, algoritma tandatangan dan sijil keselamatan;
- (iii) Menyimpan data pada pangkalan data selamat yang menggunakan penyulitan tahap cakera;
- (iv) Menggunakan penyulitan berstandard industri dan keperluan kata laluan (contohnya, panjang minimum, penggunaan aksara khas, tamat tempoh dan sebagainya); dan
- (v) Mengunci akses berikutan percubaan log masuk yang tidak berjaya atau tidak aktif serta mempunyai kaedah untuk menetapkan semula pengecam akses yang dikunci.

**3. Kawalan akses bagi penggunaan bahagian tertentu dalam sistem pemprosesan data oleh kakitangan Abbott yang diberi kuasa (kerahsiaan):**

Kakitangan Abbott yang diberi kuasa untuk menggunakan sistem pemprosesan data hanya boleh mengakses data peribadi jika mereka mempunyai kebenaran akses yang sesuai. Bagi tujuan ini, Abbott telah melaksanakan kawalan yang berikut:

- (i) Akses dihadkan atas dasar peranan dan tanggungjawab dan diberikan kepada pengguna mengikut prinsip perlu tahu dan paling sedikit keistimewaan;
- (ii) Akses istimewa diberikan kepada pentadbir yang diberi kuasa, selaras dengan tanggungjawab kerja mereka;
- (iii) Hak akses disemak secara berkala bagi memastikan hak akses yang betul diberikan;
- (iv) Apabila peranan dan tanggungjawab berubah, hak akses akan dibuang, walaupun sekiranya berlaku penamatan; dan
- (v) Tindakan tatatertib yang berkesan terhadap individu yang mengakses data peribadi tanpa izin.

**4. Penetapan dan keselamatan klinik:**

Kumpulan Operasi Penjagaan Jauh Abbott bertanggungjawab bagi penetapan awal klinik selepas pendaftaran. Satu akaun pentadbir klinik disediakan bagi tujuan mencipta, mentadbir dan menyelenggara ID pengguna. Pengguna klinik, termasuk pentadbir, bertanggungjawab melindungi kelayakan Merlin.net mereka. Kawalan berikut adalah dilaksanakan:

- (i) Doktor disekat daripada mengakses secara langsung pangkalan data dan infrastruktur yang menyokong Merlin.net;
- (ii) Bagi tujuan sokongan dan penyelesaian masalah, kakitangan Abbott yang dibenarkan menggunakan akaun pentadbiran yang telah ditetapkan.
- (iii) Konfigurasi parameter kata laluan lalai minimum diwujudkan; dan
- (iv) Merlin.net menawarkan pengesahan dua faktor, yang boleh dipilih oleh pelanggan untuk dilaksanakan.

**5. Kawalan pemindahan (integriti):**

Abbott mengambil langkah untuk menghalang data peribadi daripada dibaca, disalin, diubah atau dihapuskan oleh individu yang tidak dibenarkan semasa penghantaran atau pemindahannya. Ini dicapai melalui:

- (i) Pemindahan data dari sumber luaran ke infrastruktur Merlin.net adalah disulitkan;
- (ii) Pelayan menggunakan sambungan rangkaian selamat yang terhad kepada HTTPS sahaja; dan
- (iii) Dasar dan standard disediakan untuk menyekat penggunaan media boleh alih bagi tujuan pengangkutan dan pada komputer riba korporat atau peranti mudah alih lain.

**6. Kawalan input (integriti):**

Abbott tidak mengakses data peribadi bagi sebarang tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Dasar Privasi PCN Merlin.net™.

Abbott mengambil langkah yang sesuai bagi melindungi data peribadi daripada akses atau pemadaman tanpa izin. Ini dicapai melalui:

- (i) Langkah perlindungan bagi pembacaan, pengubahan dan pemadaman data yang tersimpan;
- (ii) Dokumentasi untuk mengawal individu yang diberi kuasa dan bertanggungjawab untuk membuat kemasukan ke dalam sistem pemprosesan data berdasarkan tugas mereka; dan
- (iii) Protokol yang memerlukan log bagi kemasukan dan / atau pemadaman data peribadi yang mungkin berlaku.

**7. Kawalan pesanan:**

Abbott mengambil langkah untuk memastikan bahawa, apabila data peribadi diproses, ia diproses dengan ketat berdasarkan arahan anda.

**8. Kawalan ketersediaan (ketersediaan):**

Abbott mengambil langkah untuk memastikan data peribadi dilindungi daripada musnah atau hilang tanpa sengaja. Ini dicapai melalui:

- (i) Sandaran data yang kerap dan pemulihan berkala;
- (ii) Log sandaran dipantau manakala protokol peningkatan wujud sekiranya berlaku kegagalan kritikal;
- (iii) Penggunaan perisian antivirus/antiperisian hasad untuk melindungi daripada ancaman berniat jahat seperti virus, kerja dan perisian pengintip;
- (iv) Menjalankan imbasan kerentenan dalaman serta luaran secara berkala; dan
- (v) Pelaksanaan Pelan Kesinambungan Perniagaan yang merangkumi Pelan Pemulihan Bencana IT, menyenaraikan peranan, tugas dan tanggungjawab.

**9. Pemisahan pemprosesan bagi tujuan yang berbeza:**

Abbott mengambil langkah untuk memastikan data peribadi dilindungi daripada musnah atau hilang tanpa sengaja. Ini dicapai melalui:

- (i) Menjamin keselamatan yang didorong pangkalan data dengan memisahkan pangkalan data pengeluaran dan sokongan dan pemantauan sistem; dan
- (ii) Mereka bentuk antara muka, proses berkelompok, dan laporan bagi tujuan dan fungsi tertentu sahaja, supaya data yang dikumpulkan bagi tujuan tertentu diproses secara berasingan.

**10. Ketahanan:**

Abbott telah melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi berikut, khusus untuk menjamin kebolehpercayaan sistem dan perkhidmatan pemprosesan kami:

- (i) Dasar dan prosedur pengurusan perlindungan data;
- (ii) Dasar serta prosedur tindak balas insiden; dan
- (iii) Kawalan pesanan.

**Sila cetak salinan Perjanjian ini sebagai rekod anda.**